

**Penduduk di DUN Guan Eng mungkin diusir**  
**MalaysiaKini.com**  
**March 18, 2012**  
**By Susan Loone**

Meskipun menghuni di kawasan Dewan Undangan Negeri Air Putih yang dikuasai oleh Ketua Menteri Lim Guan Eng, masa depan penduduk Kampung Boundary 5 masih terumbang ambing dengan ramai yang tidur dengan tidak lena kerana bimbang akan diusir.

Rumah mereka yang didirikan atas tapak tanah empat ekar telah diperolehi oleh pemaju kira-kira 10 tahun lalu dan sepatutnya dirobohkan untuk merintis jalan bagi pembinaan banglo tiga tingkat.

"Kami hadapi mimpi ngeri bahawa traktor akan meratakan rumah kami. Kami tiada tempat tinggal jika dihalau dan terpaksa tinggal di jalanan dan kaki lima," dakwa seorang penduduk Santok Singh.

Penang eviction PC Jimmy Leow. Santok Singh Lima perkampungan yang dihuni ribuan penduduk menghadapi nasib yang sama dan mereka cuba bersatu untuk mendapatkan keadilan kerana masing-masing mendakwa diberikan notis pengusiran tanpa ditawarkan pakej pampasan yang sepatutnya.

"Masalah kami bermula pada tahun 2003 apabila tanah kami dijual dan dipindahkan kepada pemaju yang tamak," dakwa Santok (atas, tengah), yang juga pengerusi persatuan penduduk Kampung Boundary 5.

"Pemaju sekarang sedang meningkatkan usaha mereka untuk mengusirkan kami untuk membangunkan tanah mereka," katanya pada sidang akhbar semalam, yang dihadiri oleh penduduk yang lain.

Lima perkampungan itu adalah Kampung Boundary 5 Air Itam (Terdiri daripada 23 rumah); Kampung Catteir, Batu Feringghi (1,000 rumah); Estet Syarifah Aloya di Jelutong (72 rumah), Kampung Mount Erskine, Jelutong (31 rumah) dan Kampung India di Tanjung Bungah (145 rumah) - semuanya membabitkan kira-kira 1,000 keluarga.

Sebelum taklimat akhbar di Air Putih, diadakan kira-kira 30 penduduk mengadakan perhimpunan di Kampung Boundary 5 bagi membantah rumah mereka dirobohkan dan menyeru pihak berkuasa untuk menyelesaikan masalah mereka.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd  
Source: <http://www.malysiakini.com/news/192391>

